# AKTA SYARIKAT (PINDAAN) 2024

## SOALAN-SOALAN LAZIM

**POLISI 2 :** MEMPERKUKUHKAN KERANGKA REHABILITASI KORPORAT

(B) Penambahbaikan peruntukan lain berkaitan perkiraan sukarela korporat/pengurusan kehakiman/skim perkiraan dan kompromi (CVA/JM/SPK)

**Apakah peruntukan-peruntukan lain yang diperkenalkan untuk menambahbaik kerangka rehabilitasi korporat?**

Antara pindaan penting yang diperkenalkan bagi menambahbaik kerangka rehabilitasi korporat di bawah Akta Syarikat adalah seperti berikut:

a) Membenarkan Mahkamah melanjutkan tempoh perintah pengurusan kehakiman melebihi 12 bulan
b) Membenarkan syarikat-syarikat yang telah mendapat perintah pengurusan kehakiman akses kepada pembiayaan penyelamat
c) Meminimumkan kerugian yang dihadapi oleh syarikat dalam prosiding insolvensi dengan membenarkan pemiutang bercagar mendapatkan semula aset dalam keadaan tertentu
d) Memastikan syarikat-syarikat dalam prosiding insolvensi terus dibekalkan dengan barangan dan perkhidmatan perlu untuk mengurangkan gangguan dalam operasi mereka